

D.R. 26/2007

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN
PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN
AWAM 2007**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Perbadanan
6. Akuan berkanun oleh anggota Perbadanan
7. Tempoh jawatan
8. Elaun anggota Perbadanan
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Jawatankuasa
12. Penzahiran kepentingan
13. Ketidaklayakan dan penamatan anggota Perbadanan
14. Tindakan dan prosiding Perbadanan tidak terjejas oleh kekosongan jawatan, dsb.
15. Kewajipan anggota Perbadanan
16. Mesyuarat

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

FUNGSI PERBADANAN

Fasal

17. Fungsi Perbadanan
18. Perwakilan fungsi Perbadanan
19. Arahan oleh Menteri
20. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PEGAWAI DAN PEKERJA

21. Ketua Pegawai Eksekutif
22. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
23. Pelantikan pegawai dan pekerja
24. Pinjaman, biasiswa, wang pendahuluan, dsb.
25. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
26. Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

27. Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
28. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
29. Pemeliharaan Kumpulan Wang
30. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
31. Akaun bank
32. Kuasa untuk meminjam
33. Pelaburan
34. Had untuk berkontrak
35. Tatacara kewangan
36. Tahun kewangan
37. Akaun dan laporan

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

BAHAGIAN VI

AM

38. Pemulaan pendakwaan
39. Pekhidmat awam
40. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
41. Obligasi kerahsiaan
42. Perwakilan dalam prosiding sivil
43. Kuasa untuk mengambil khidmat
44. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
45. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"anggota Perbadanan" ertinya seseorang anggota Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 5;

Rang Undang-Undang

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 11;

"Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya ketua pegawai eksekutif Perbadanan;

"Ketua Pengarah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta*];

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 5;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"perkhidmatan pengurusan pembersihan awam" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;

"perkhidmatan pengurusan sisa pepejal" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;

"syarikat" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

"undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam" ertinya Akta ini dan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, dan termasuk mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan Perbadanan

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam" ditubuhkan.

(2) Perbadanan adalah kekal turun-temurun dan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanan.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang disifatkannya patut—

(a) membuat kontrak; dan

(b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai apa-apa jenis harta alih dan tak alih —

(i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan

(ii) memegang, menikmati, memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai, harta dan kepentingan yang terletak hak pada Perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Meterai perbadanan bagi Perbadanan hendaklah mempunyai suatu tanda yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Rang Undang-Undang

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan "Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan bagi Perbadanan.

(3) Meterai perbadanan bagi Perbadanan hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan, dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi atau oleh mana-mana anggota Perbadanan yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Perbadanan atau seorang pegawai atau pekerja Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan bagi Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Perbadanan

5. Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan;
- (d) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
- (e) seorang wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (f) Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (g) tidak lebih daripada tiga orang anggota lain yang hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

Akuan berkanun oleh anggota Perbadanan

6. (1) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai Pengerusi atau anggota Perbadanan di bawah perenggan 5(g) melainkan jika sebelum pelantikan sedemikian orang itu membuat suatu akuan berkanun tentang sama ada dia mempunyai apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa usaha yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam.

(2) Jika seseorang anggota Perbadanan memperoleh apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa usaha yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dia hendaklah, dalam masa tiga puluh had selepas pemerolehan itu, memberikan notis secara bertulis kepada Menteri dengan menyatakan kepentingan yang telah diperoleh itu, dan Menteri boleh, selepas menimbangkan perkara itu, jika difikirkannya patut, mengisytiharkan bahawa anggota itu telah mengosongkan jawatannya.

Tempoh jawatan

7. (1) Pengerusi dan anggota Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(g) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya, tetapi tidak boleh dilantik selama tidak lebih daripada tiga tempoh berturut-turut.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif.

Elaun anggota Perbadanan

8. Pengerusi dan anggota Perbadanan, selain Ketua Pegawai Eksekutif, hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Rang Undang-Undang

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

9. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Perbadanan, selain anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(b) hingga (f), tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota Perbadanan, selain Ketua Pegawai Eksekutif, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

10. Jawatan seseorang anggota Perbadanan, selain anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(b) hingga (f), hendaklah menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Perbadanan atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Perbadanan;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- if) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Menteri;

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

- (g) dalam hal seorang anggota Perbadanan selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi;
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau
- (i) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

Jawatankuasa

11. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya.

(2) Perbadanan boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Perbadanan boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Perbadanan boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa.

(7) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(9) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada, dan hendaklah bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Perbadanan.

Rang Undang-Undang

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Perbadanan secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penzahiran kepentingan

12. (1) Seseorang anggota Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu —

- (a) anggota itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

- (b) anggota itu tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau presiding Perbadanan atau jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Perbadanan atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud subseksyen (1) —

"anggota keluarganya" termasuklah —

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

"sekutunya" ertinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya adalah seorang benefisiari; atau

Rang Undang-Undang

- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Ketidaklayakan dan penamatan anggota Perbadanan

13. Tiada seorang pun boleh dilantik atau kekal sebagai anggota Perbadanan jika—

- (a) dia seorang pegawai mana-mana syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007; atau
- (b) dia mempunyai apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa pengusahaan yang melibatkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Tindakan dan prosiding Perbadanan tidak terjejas oleh kekosongan jawatan, dsb.

14. Perbadanan boleh bertindak walau apa pun apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya dan kesahan prosidingnya tidak terjejas oleh—

- (a) ketidakhadiran mana-mana anggota;
- (b) apa-apa kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana anggota atau pembentukan Perbadanan;
- (c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau salah aturan dalam pengadaaan atau penjalanan sesuatu mesyuarat; atau
- (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan seorang anggota Perbadanan.

Kewajipan anggota Perbadanan

15. (1) Seseorang anggota Perbadanan hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan jujur dan demi kepentingan Perbadanan dan menggunakan kebijaksanaan munasabah dalam menunaikan kewajipan jawatannya.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

- (2) Seseorang anggota Perbadanan atau mana-mana orang yang pernah menjadi anggota Perbadanan tidak boleh-
- (a) menggunakan secara tidak wajar apa-apa maklumat yang diperoleh oleh sebab kedudukannya sebagai seorang anggota Perbadanan untuk mendapat, secara langsung atau tidak langsung suatu faedah bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
 - (b) melakukan, memperkatakan atau menyiarkan apa-apa yang boleh memudaratkan kepentingan Perbadanan.

Mesyuarat

16. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekerap yang dikehendaki tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun.
- (2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Perbadanan dan semasa ketiadaannya, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang pengerusi daripada kalangan mereka dan orang yang dilantik itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan mempunyai segala kuasa Pengerusi.
- (3) Pengerusi dan empat anggota lain yang hadir dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan hendaklah membentuk kuorum.
- (4) Keputusan Perbadanan hendaklah diambil secara undi lebih suara anggota yang hadir dan mengundi.
- (5) Dalam hal keadaan bilangan undi sama banyak Pengerusi hendaklah mempunyai suatu undi pemutus.
- (6) Suatu ketetapan secara bertulis, yang ditandatangani oleh semua anggota yang pada masa itu berhak untuk menerima notis suatu mesyuarat Perbadanan, adalah sah dan berkesan seolah-olah ketetapan itu telah diluluskan pada masa mesyuarat Perbadanan yang telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ketetapan sedemikian boleh terdiri daripada beberapa dokumen dalam bentuk serupa, setiap satunya ditandatangani oleh seorang anggota atau lebih.

Rang Undang-Undang

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Pengerusi daripada membenarkan seorang anggota untuk menggunakan video secara langsung, rangkaian televisyen atau kemudahan perhubungan atau multimedia lain yang sesuai untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Perbadanan.

BAHAGIAN III

FUNGSI PERBADANAN

Fungsi Perbadanan

17. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai segala fungsi yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan hendaklah juga mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk mengesyorkan dasar, rancangan dan strategi termasuk skim berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan;
- (b) untuk melaksanakan apa-apa dasar, rancangan dan strategi termasuklah skim yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) untuk melaksanakan langkah-langkah yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memajukan mana-mana perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam sedia ada;
- (d) untuk mengesyorkan standard, spesifikasi dan tataamalan yang berhubungan dengan apa-apa aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan;
- (e) untuk mengawasi pematuhan standard, spesifikasi dan tataamalan yang berhubungan dengan apa-apa aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan;

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

- (f) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang itu kepada Kerajaan Persekutuan;
- (g) untuk memastikan bahawa fungsi dan obligasi mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dijalankan dengan sepatutnya;
- (h) untuk menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;
- (i) untuk melaksanakan langkah untuk menggalakkan penyertaan awam dan mempertingkatkan kesedaran awam mengenai perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;
- (j) untuk merumuskan dan melaksanakan pembangunan dan pembiayaan sumber manusia dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsi Perbadanan dengan patut dan berkesan;
- (k) untuk bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Perbadanan;
- (l) untuk menggunakan semua harta alih dan tak alih Perbadanan mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Perbadanan termasuklah menggadaikan harta itu bagi mendapatkan pinjaman;
- (m) untuk menggalakkan, mempromosi, memudahkan dan merangsang pertumbuhan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam melalui pelbagai cara termasuklah mengatur perjalanan penyelidikan, penilaian, kajian dan khidmat nasihat;
- (n) untuk mengekalkan dan memperbaiki standard dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;
- (o) untuk menubuhkan institusi, pusat dan bengkel bagi menjalankan penyelidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang perlu bagi atau berhubung dengan pembangunan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;

Rang Undang-Undang

- (p) untuk menentukan dan mengenakan fi, caj atau bayaran lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan; dan
- (q) untuk menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi, atau berkaitan, atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Pewakilan fungsi Perbadanan

18. (1) Perbadanan boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana fungsi yang dikenakan atau diberikan kepadanya oleh undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada —

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang anggota Perbadanan; atau
- (c) suatu jawatankuasa.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(3) Mana-mana fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Perbadanan daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Arahan oleh Menteri

19. (1) Perbadanan adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi Perbadanan arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi Perbadanan dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan itu dengan seberapa segera yang mungkin.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

20. (1) Perbadanan hendaklah memberi kepada Menteri, dan mana-mana pihak yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa meminta Ketua Pegawai Eksekutif untuk memberikan apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan fungsi Perbadanan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PEGAWAI DAN PEKERJA

Ketua Pegawai Eksekutif

21. (1) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah disifatkan menjadi pegawai atau pekerja Perbadanan dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memperoleh apa-apa pampasan dan apa-apa kemudahan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Perbadanan.

Rang Undang-Undang

(5) Perbadanan hendaklah meletakkan pada Ketua Pegawai Eksekutif apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Perbadanan.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Perbadanan.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekerja Perbadanan.

(8) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Menteri dan Perbadanan dari semasa ke semasa.

(9) Dalam menunaikan kewajipannya Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Perbadanan.

Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif

22. Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana pegawai Perbadanan untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama tempoh —

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab, tidak boleh melaksanakan tugas jawatannya.

Pelantikan pegawai dan pekerja

23. (1) Perbadanan boleh melantik apa-apa bilangan pegawai dan pekerja yang difikirkan perlu bagi menjalankan urusan dan hal ehwal Perbadanan dan pegawai dan pekerja itu hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa gaji, elaun dan faedah, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

(2) Seseorang pegawai atau pekerja Perbadanan hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan suci hati dan mematuhi apa-apa kehendak, standard, kewajipan dan tatalaku yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pinjaman, biasiswa, wang pendahuluan, dsb.

24. Perbadanan—

- (a) boleh memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekerjanya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (b) boleh memberikan derma kepada mana-mana orang atau kumpulan orang dalam apa-apa amaun dan bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

Pembayaran faedah persaraan, dsb.

25. Perbadanan boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pegawai dan pekerjanya dan orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

26. Perbadanan boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, surat pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

27. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam" ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan.

Rang Undang-Undang

- (2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—
- (a) apa-apa wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
 - (b) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Perbadanan;
 - (c) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Perbadanan;
 - (d) semua wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan penasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Perbadanan;
 - (e) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsinya;
 - (f) wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah seksyen 32;
 - (g) semua wang yang diperoleh melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
 - (h) semua derma dan sumbangan yang diterima daripada dalam atau luar Malaysia; dan
 - (i) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Perbadanan.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

28. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Perbadanan;

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

- (b) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Perbadanan dan anggota jawatankuasa dan saraan, elaun dan perbelanjaan lain pegawai dan pekerja Perbadanan, termasuklah pemberian pinjaman dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan dan ganjaran;
- (c) memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerjaanya di bawah seksyen 24;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Perbadanan bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, termasuk pengambilan perunding, fi dan kos guaman serta caj dan kos lain;
- (e) membeli atau menyewa kelengkapan, mesin dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- (f) membayar balik wang yang dipinjam di bawah seksyen 32 dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (g) membuat pelaburan di bawah seksyen 33; dan
- (h) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam amnya, dan melaksanakan peruntukan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

29. Perbadanan adalah berkewajipan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Perbadanan mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya termasuklah susut nilai dan bunga atas modal dan setahun ke setahun.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

30. (1) Perbelanjaan Perbadanan setakat amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Rang Undang-Undang

(2) Sebelum 1 September setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaannya, termasuklah perbelanjaan bagi program penyelidikan dan pembangunan, bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Perbadanan amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Perbadanan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tambahannya bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

Akaun bank

31. Perbadanan hendaklah membuka dan menyenggara akaun atau akaun-akaun dengan bank atau bank-bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkannya patut, selepas berunding dengan Menteri, dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan setakat yang dapat dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

32. Perbadanan boleh meminjam, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau melaksanakan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan

33. (1) Wang daripada Kumpulan Wang Perbadanan hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, memperoleh dan membangunkan tanah dan harta bagi dan berkaitan dengan penjalanan kuasanya dan bagi maksud ini boleh membuat apa-apa rundingan, perkiraan atau perjanjian sebagaimana yang perlu bagi pengendalian berkesan dan cekap Perbadanan.

Had untuk berkontrak

34. Perbadanan tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Perbadanan dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

Tatacara kewangan

35. Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Perbadanan hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Tahun kewangan

36. Tahun kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan

37. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan aktiviti yang sepatutnya disimpan dan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Perbadanan yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti.

(2) Perbadanan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri dan Menteri hendaklah menyebabkan supaya penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Rang Undang-Undang

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

BAHAGIAN VI

AM

Pemulaan pendakwaan

38. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

Pekhidmat awam

39. Pengerusi, anggota Perbadanan dan mana-mana jawatankuasa, pegawai, pekerja dan ejen Perbadanan, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai Pengerusi, anggota, pegawai, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574).

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

40. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198) hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau mana-mana anggota Perbadanan, jawatankuasa, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci had atas sifat sedemikian.

Obligasi kerahsiaan

41. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Perbadanan—

(a) tiada anggota Perbadanan, jawatankuasanya, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan sama ada dalam atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya dan tiada mana-mana

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan atau mana-mana jawatankuasanya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan kewajipannya; dan

- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Perbadanan boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pewakilan dalam prosiding sivil

42. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain —

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Perbadanan; atau
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Perbadanan dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu boleh, bagi pihak Perbadanan, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Perbadanan.

Kuasa untuk mengambil khidmat

43. Perbadanan boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuklah peguam bela dan peguam cara, jurubank, perunding dan orang lain, untuk menguruskan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Rang Undang-Undang

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

44. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan syarikat dengan nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan mempunyai tanggungjawab, penjalanan dan pengurusan bagi pihak Perbadanan terhadap apa-apa projek, skim atau perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dalam menunaikan fungsinya.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

45. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Perbadanan sebagai persediaan dan ke arah pelaksanaan yang sepatutnya Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, pada menjangkakan pembuatan Akta ini hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Perbadanan daripada apa-apa yang dilakukan sedemikian hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Perbadanan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 Akta yang dicadangkan mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan pemakaian dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan yang tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penubuhan Perbadanan.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

6. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan.
7. *Fasal 4* membenarkan Perbadanan mempunyai meterai perbadanan.
8. *Fasal 5* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Perbadanan.
9. *Fasal 6* menghendaki anggota Perbadanan untuk membuat suatu akuan berkanun tentang kepentingannya dalam apa-apa usaha yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam.
10. *Fasal 7* memperkatakan tentang tempoh jawatan anggota Perbadanan.
11. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun dan perbelanjaan lain kepada anggota Perbadanan.
12. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Perbadanan dan peletakan jawatan mereka.
13. *Fasal 10* menyatakan keadaan yang menjadikan jawatan seseorang anggota Perbadanan kosong.
14. *Fasal 11* memberi Perbadanan kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya.
15. *Fasal 12* menghendaki seorang anggota Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan untuk menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan atau jawatankuasa itu. Kegagalan untuk menzahirkan adalah suatu kesalahan dan tertakluk kepada penalti.
16. *Fasal 13* mengadakan peruntukan mengenai ketidaklayakan dan penamatan anggota Perbadanan.
17. *Fasal 14* bertujuan memperuntukkan bahawa tindakan dan prosiding Perbadanan tidak terjejas oleh kekosongan jawatan dalam keanggotaannya, dsb.
18. *Fasal 15* mengenakan kewajipan ke atas anggota Perbadanan supaya bertindak dengan jujur demi kepentingan Perbadanan pada setiap masa dan menggunakan kebijaksanaan munasabah dalam menunaikan kewajipan jawatannya. Seseorang anggota Perbadanan atau mana-mana orang yang pernah menjadi anggota Perbadanan tidak boleh menggunakan secara tidak wajar apa-apa maklumat yang diperolehi oleh sebab kedudukannya sebagai seorang anggota Perbadanan untuk mendapat secara langsung atau tidak langsung suatu faedah bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain atau melakukan, memperkatakan atau menyiarkan apa-apa yang boleh memudaratkan kepentingan Perbadanan.

Rang Undang-Undang

19. *Fasal 16* mengadakan peruntukan bagi bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Perbadanan yang hendaklah sekurang-kurangnya empat kali setahun, dan tatacara mesyuarat.

BAHAGIAN III

20. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan tentang fungsi Perbadanan.

21. *Fasal 17* mengadakan peruntukan bagi fungsi Perbadanan yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

22. *Fasal 18* membenarkan Perbadanan untuk mewakili apa-apa fungsinya kepada Pengerusi, anggota Perbadanan dan jawatankuasa Perbadanan.

23. *Fasal 19* memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan am kepada Perbadanan.

24. *Fasal 20* meletakkan kewajipan ke atas Perbadanan untuk memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat tertentu kepada Menteri atau mana-mana pihak berkuasa. *Subfasal (2)* membenarkan Ketua Pengarah untuk mendapatkan penyata, laporan, akaun dan maklumat tertentu berkenaan dengan penunaian fungsi Perbadanan daripada Ketua Pegawai Eksekutif.

BAHAGIAN IV

25. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan berhubung dengan pegawai dan pekerja Perbadanan.

26. *Fasal 21* memberi Menteri kuasa untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan atas syor Perbadanan dan pegawai itu hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Perbadanan.

27. *Fasal 22* memberi Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana pegawai Perbadanan untuk menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif jika jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong atau apabila Ketua Pegawai Eksekutif tiada atau tidak boleh melaksanakan fungsinya.

28. *Fasal 23, 24 dan 25* memperkatakan pelantikan pegawai dan pekerja Perbadanan dan syarat perkhidmatan mereka, kuasa Perbadanan untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekerjanya dan untuk membuat bayaran tertentu, seperti faedah saraan dan ganjaran kepada mereka. *Fasal 26* membenarkan Perbadanan menerima pakai peraturan-peraturan, dsb., yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengan pegawai dan pekerja Perbadanan.

*Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam*

BAHAGIAN V

29. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan kewangan.
30. *Fasal 27* mengadakan peruntukan bagi penubuhan "Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam" ("Kumpulan Wang").
31. *Fasal 28* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.
32. *Fasal 29* mengenakan kewajipan ke atas Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang.
33. *Fasal 30* mengenakan kewajipan ke atas Perbadanan untuk menyediakan anggaran perbelanjaannya.
34. *Fasal 31* membenarkan Perbadanan membuka dan menyenggara akaun bank.
35. *Fasal 32* menghendaki Perbadanan mendapatkan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan sebelum Perbadanan meminjam wang untuk melaksanakan obligasinya.
36. *Fasal 33* membenarkan Perbadanan melaburkan wang Perbadanan.
37. *Fasal 34* menghendaki Perbadanan mendapatkan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan sebelum Perbadanan membuat kontrak yang di bawahnya Perbadanan dikehendaki membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.
38. *Fasal 35* membenarkan Perbadanan untuk menentukan tatacara kewangannya sendiri.
39. *Fasal 36* menyatakan bahawa tahun kewangan bagi Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
40. *Fasal 37* menghendaki Perbadanan menyimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya mengenai aktivitinya. Perbadanan dikehendaki menghantar penyata akaun dan pernyataan aktivitinya bagi sesuatu tahun kewangan kepada Menteri yang kemudiannya akan membentangkan penyata dan laporan itu di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen. *Fasal* ini juga menghendaki Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Perbadanan.

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN VI

41. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.
42. *Fasal 38* menghendaki keizinan Pendakwa Raya bagi pendakwaan terhadap kesalahan di bawah Akta ini.
43. *Fasal 39* menyatakan bahawa Pengerusi, anggota Perbadanan, anggota jawatankuasa, pegawai, pekerja dan ejen Perbadanan adalah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [*Akta 574*].
44. *Fasal 40* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai bagi Perbadanan dan, anggota Perbadanan, jawatankuasa, pegawai, pekhidmat dan ejen Perbadanan.
45. *Fasal 41* melarang penzahiran maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Perbadanan kecuali dalam hal keadaan yang tertentu.
46. *Fasal 42* memperkatakan perwakilan dalam presiding sivil oleh, terhadap dan bagi pihak Perbadanan.
47. *Fasal 43* memberi Perbadanan kuasa untuk mengambil khidmat penasihat teknikal dan pakar runding lain.
48. *Fasal 44* bertujuan untuk membenarkan Perbadanan menubuhkan syarikat untuk menjalankan apa-apa projek yang ditentukan olehnya.
49. *Fasal 45* mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2597]